



## PINDAAN TARIKH TUTUP SEBUT HARGA

Merujuk kepada kenyataan tawaran yang telah dikeluarkan pada 12 Mei 2020 ,terdapat masalah teknikal pada dokumen sebut harga bagi projek seperti senarai di bawah. Pihak Majlis Perbandaran Jempol telah membuat pindaan tarikh tutup sebut harga tersebut seperti berikut;

BIL	TAJUK/ NO SEBUTHARGA / FAIL RUJUKAN	TARIKH DOKUMEN DIJUAL & TARIKH TUTUP ASAL	TARIKH TUTUP BARU
1.	Tajuk: Cadangan Membaiki dan Menurap Semula Jalan Di Lorong Belakang Taman Serting Utama Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya Didalam Daerah Jempol, NSDK  (MPJL.SH/07/2020)	20 Mei 2020 hingga 22 Mei 2020  Tarikh Tutup :- 27 Mei 2020	<b>01/06/2020 (ISNIN)</b>

Pada kontraktor yang telah membeli dokumen sebut harga di atas boleh mengambil dokumen sebut harga yang baharu dari Bahagian Kejuruteraan Pejabat Majlis Perbandaran Jempol mulai dari **27 Mei 2020 (Rabu) hingga 28 Mei 2020 (Khamis)**, dengan membawa dokumen sebut harga yang telah dibeli. Tiada sebarang bayaran bagi pengambilan dokumen sebut harga yang baharu. Ianya tertakluk kepada kontraktor yang telah membeli borang sebut harga bagi kerja seperti dinyatakan di atas sahaja, tiada penjualan dokumen sebut harga tambahan dibenarkan. Segala kesulitan amatlah dikesali.

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA** di Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada **01 Jun 2020 (Isnin)**.

Kerjasama semua pihak untuk mengikuti SOP seperti berikut amatlah kami harapkan semasa berurusan di kaunter :-

- i. Penjarakan sosial akan dilaksanakan semasa berurusan di kaunter. Pihak Majlis Perbandaran Jempol akan memastikan kapasiti pelanggan adalah dihadkan berdasarkan penjarakan sosial minimum 1 meter. Bagi urusan di kaunter Bahagian Kejuruteraan, hanya seorang pelanggan sahaja dibenarkan berurusan dalam satu-satu masa.
- ii. Perlu mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan *hand sanitizer* sebelum dan selepas berurusan di kaunter.
- iii. Setiap pelanggan adalah diwajibkan memakai topeng muka (*facemask*) bagi memastikan tahap keselamatan adalah sentiasa terkawal semasa berurusan di kaunter.
- iv. Saringan kesihatan akan dilaksanakan di pintu masuk premis.
- v. Pelanggan yang mempunyai gejala seperti demam, selesema dan batuk tidak akan dibenarkan berurusan di kaunter. Oleh yang demikian, semua pelanggan hendaklah memastikan tidak mempunyai gejala sekiranya datang berurusan di kaunter

  
(ROSTAM BIN OMAR)  
Jurutera  
b.p Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Jempol

Tarikh: 26/5/2020